

02 FEB 1999

Mahathir-siasatan

SIASATAN KECEDERAAN ANWAR DIUMUM, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mengumumkan hasil siasatan satu suruhanjaya berhubung kecederaan yang dialami bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika beliau dalam tahanan polis September lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Apa gunanya dijalankan siasatan jika laporannya tidak diumumkan," kata Perdana Menteri kepada satu soalan pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bagi meraikan peserta lumba basikal Le Tour de Langkawi 1999 di sini.

Beliau berkata suruhanjaya itu perlu diberikan masa yang cukup untuk menyelesaikan siasatannya walaupun "kita mahu ia dijalankan secepat mungkin".

Suruhanjaya empat anggota itu diketuai oleh bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin.

Anggota yang lain ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar, pakar bedah otopedik dan bekas presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Datuk Dr Yeoh Poh Hong dan bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman.

Ketika mengumumkan penubuhan suruhanjaya itu pada 27 Jan lepas, Dr Mahathir berkata dengan adanya suruhanjaya itu, siasatan polis berhubung kecederaan Anwar yang diketuai oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur SAC II Mat Zin Ibrahim akan berakhir.

Suruhanjaya itu akan mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang juga melantik anggota-anggotanya.

Mengenai laporan media yang memetik sumber sebagai berkata bahawa suruhanjaya itu akan menyiapkan siasatannya dalam masa 14 hari, Dr Mahathir berkata : "Saya tidak tahupun mengenainya."

Beliau berkata suruhanjaya itu akan menetapkan sendiri bidang tugas dan sekretariatnya.

Dr Mahathir juga menolak dakwaan pembangkang dalam Internet yang mempertikaikan kewibawaan dua anggota suruhanjaya itu -- Abu Talib dan Dr Yeoh.

Pembangkang mendakwa kononnya Abu Talib menghapuskan bukti dalam satu kes melibatkan bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat D.P Vijandran manakala Dr Yeoh pula kini bertugas di Pantai Medical Centre yang dimiliki oleh anak Dr Mahathir, Mirzan.

"Saya tidak melantik anggota suruhanjaya itu dan anak saya tidak ada kaitan dengannya.

"Adakah bukti mengatakan Abu Talib memusnahkan keterangan? Adakah dia pernah didapati bersalah oleh mahkamah berhubung dakwaan itu?," kata Dr Mahathir.

Mengenai Le Tour de Langkawi, Dr Mahathir berharap penganjurnya akan menetapkan sasaran mendapatkan taraf lebih baik daripada 2.4 pada masa ini.

(Taraf 2.4 bermakna Malaysia kini mampu menarik lebih banyak kumpulan pelumba ternama. Perlumbaan terulung dunia, Tour de France, kini bertaraf 2.0.)

Dr Mahathir berkata hasil daripada perlumbaan itu, yang keempat sejak diperkenalkan pada 1996, Malaysia kini lebih terkenal di kalangan pelumba seluruh dunia.

Malaysia, katanya, kini mengeluarkan basikal yang canggih untuk kegunaan di kawasan pergunungan dan permukaan yang sukar.

Perlumbaan itu membantu mendedahkan pelumba tempatan kepada standard

dan membolehkan Malaysia memenangi pingat pertamanya dalam acara lumba basikal pada Sukan Komanwel di Kuala Lumpur tahun lepas.

Semakin ramai pelancong dari Eropah juga mengunjungi Langkawi yang semakin terkenal hasil daripada perlumbaan itu.

Ketika berucap pada jamuan itu yang dihadiri pelumba dan pegawai perlumbaan, Dr Mahathir berharap mereka akan menikmati kehijauan Malaysia yang "tidaklah teruk seperti yang digambarkan."

Sebanyak 150 pelumba daripada 25 pasukan akan menyertai perlumbaan sejauh 1,773.5 km selama 12 hari. Ia menawarkan hadiah berjumlah RM1.5 juta.

-- BERNAMA

NH JM MAI